

02 MAY 2002

DR MAHATHIR MINTA KOMPONEN BN SABAH JANGAN LEKA

KOTA KINABALU, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menasihatkan parti-parti komponen Barisan Nasional di Sabah supaya tidak leka dengan kedudukan gabungan itu yang menguasai Sabah sekarang.

"Kita patut guna kesempatan ini untuk meneruskan usaha kita membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negeri ini dan penduduknya sebagai tanda penghargaan kita terhadap sokongan rakyat," kata Perdana Menteri dalam perutusannya sempena kongres tahunan kesembilan Parti Maju Sabah (SAPP) yang dijadual berlangsung di sini hujung minggu ini.

Beliau berkata dengan kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) baru-baru ini, BN kini menguasai sepenuhnya politik Sabah.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata penguasaan BN di negeri itu merupakan satu kejayaan besar bagi BN Sabah.

"Walaupun kita telah berjaya menguasai negeri ini, kita jangan sekali-kali mengabaikan tanggungjawab kita. Malah kita perlu berkhidmat dengan penuh dedikasi dan menunjukkan yang kita boleh dipercayai," katanya.

Kongres selama dua hari itu akan bermula dengan konvensyen pergerakan Pemuda dan Wanita SAPP pada Sabtu manakala kongres parti itu akan berlangsung pada hari berikutnya yang akan menyaksikan pemilihan anggota majlis tertinggi bagi penggal 2002-2006.

-- BERNAMA

NT SP MAI